



ZULKIFLI Ibrahim. - Foto Salhani Ibrahim

## JCorp tingkat kapasiti Tanjung Langsat

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Amir Hisyam Rasid  
bhbiz@nstp.com.my

KUALA LUMPUR: Johor Corporation (JCorp) akan membangunkan dua dermaga baharu bagi memperkukuhkan lagi kedudukannya sebagai pengendali jeti persendirian terbesar di negara ini.

Pembinaan dua dermaga baharu itu dijangka meningkatkan kapasiti pengendalian kargo pukal dan cecair kepada lebih 23 juta tan setahun menjelang 2020 berbanding 20 juta tan setahun ketika ini.

Naib Presiden Kanan dan Ketua Eksekutif Divisyen Pembangunan Industri JCorp, Zulkifli Ibrahim, berkata peningkatan pengendalian kargo itu akan disokong oleh pembinaan dua dermaga baharu khusus bagi kegunaan kargo kering.

Beliau berkata, ketika ini, Tanjung Langsat Port (TLP) mempunyai sembilan dermaga, yang mana tujuh dermaga adalah untuk kegunaan kargo cecair, sementara dua lagi bagi kegunaan kargo kering.

Katanya, pembinaan dua dermaga baharu itu adalah bagi memenuhi peningkatan pengendalian kargo pukal bersaiz besar yang dijangkakan meningkat pada masa depan.

Lagipun, jelasnya, pelanggan utama TLP, MSM Malaysia Holdings Bhd memerlukan kemudahan dermaga yang mempunyai kedalaman yang sesuai untuk kargo besar.

"Keperluan gula mentah MSM Malaysia setahun adalah sejuta tan, jadi ia perlu menggunakan kapal besar. Kemudahan dermaga kami ketika ini mempunyai kedalaman sekitar 10-11 meter. Sementara, kapal besar memerlukan kedalaman 13.5 meter.

"Justeru, TLP akan membangunkan dua dermaga baharu yang dikenali Dermaga 10 dan 11," katanya kepada NSTP Group dalam satu temubual di sini, baru-baru ini.

Menyentuh mengenai pelaburan bagi pembinaan dua dermaga baharu itu, Zulkifli berkata, pihaknya belum memutuskan lagi jumlah pelaburan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, jumlah pelaburan maksimum dijangka kira-kira RM180 juta.

"Pelaburan bergantung kepada tapak yang kukuh. Kita belum memutuskan lagi sama ada penggunaan kren atau tanpa kren. Kalau mendapat kelulusan bank dan Kementerian Kewangan, pembinaan dijangka bermula hujung tahun ini," katanya.

Jumlah pelaburan JCorp di TLP setakat ini adalah berjumlah RM1.1 bilion.

Pembinaan TLP bermula pada awal 1995 dan visinya adalah untuk menjadi hab bagi industri minyak dan gas di rantau ini sejajar dengan sasaran menjadikan Johor sebagai hab minyak dan gas serantau.

Dengan keluasan 665 hektar, pembangunan jeti persendirian itu terbahagi kepada empat zon iaitu terminal penyimpanan; bekalan dan peralatan lapangan minyak (OFSE), zon bebas komersial dan pangkalan bekalan marin serantau.

<https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2018/10/483114/jcorp-tingkat-kapasiti-tanjung-langsar>